



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

THE 11TH ASIA PACIFIC COOPERATIVE MINISTERS' CONFERENCE (APCMC) PADA 28 HINGGA 30 APRIL 2024 DI LAUT MATI, JORDAN

PUTRAJAYA, 2 MEI 2024 – *International Cooperative Alliance – Asia Pacific* (ICA – AP) dengan kerjasama Jordan Cooperative Corporation (JCC) dan Kementerian Pertanian Jordan telah menganjurkan Persidangan Menteri-Menteri Koperasi peringkat Asia dan Pasifik yang ke-11 (*11th Asia-Pacific Cooperative Ministers' Conference- APCMC*) pada 28 hingga 30 April 2024 di Laut Mati, Jordan. Persidangan ini turut dihadiri oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang mewakili Malaysia bersama 29 negara anggota ICA yang lain.

Matlamat utama APCMC bertujuan untuk mengukuhkan hubungan kerjasama antara kerajaan dan koperasi bagi mewujudkan dasar serta persekitaran kawal selia yang menyokong kemajuan dan pertumbuhan sektor koperasi untuk terus menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat sejajar dengan prinsip ESG (Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus) dan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030.

Bertemakan "*Partnership between Government and Cooperatives for Cooperative Resilience, Sustainable Development and Inclusive Growth in Asia Pacific and Middle East and North Africa Region (MENA)*", APCMC ke-11 memberi tumpuan kepada usaha kerajaan dan gerakan koperasi untuk bekerjasama demi memperkukuh daya tahan koperasi, pembangunan mampan, dan pertumbuhan inklusif di rantau Asia Pasifik terutama sekali di Timur Tengah dan Afrika Utara. Antara agenda yang diketengahkan ialah perkongsian pengetahuan dan pengalaman antara negara bagi mengenal pasti faktor yang dapat mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi koperasi, peluang pekerjaan serta pembangunan sosial demi memberi manfaat kepada sektor koperasi dan juga masyarakat secara keseluruhan.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Ewon Benedick yang mengetuai delegasi Malaysia turut memberikan kenyataan berdasarkan tema “*Adapting to Changing Environment and Building Resiliency*”. Kenyataan tersebut memberi penekanan berhubung inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membantu gerakan koperasi mengadaptasi perubahan persekitaran dalam membangunkan daya tahan serta kejayaan-kejayaan koperasi di Malaysia. Antara intipati lain yang telah disampaikan adalah berkenaan dasar dan polisi kerajaan yang mesra koperasi serta sokongan berterusan kepada gerakan koperasi negara melalui pelaksanaan dasar-dasar semasa seperti Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM 2030), Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021- 2025 (TransKoM 2021-2025) dan Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKop 2030).

YB Datuk Ewon Benedick turut menyeru kerjasama perdagangan koperasi antara negara (*Cooperative-to-Cooperative* atau C-2-C) berpandukan prinsip keenam koperasi, “kerjasama antara koperasi” khususnya dalam menangani cabaran isu keterjaminan makanan dengan menekankan kepentingan tindakan kolektif bagi memudahkan proses perdagangan di kalangan koperasi-koperasi di rantau Asia Pasifik.

Pada masa yang sama, Deklarasi bersama (*joint declaration*) Menteri-Menteri Koperasi Asia Pasifik telah disokong dan deklarasi tersebut telah menyatakan dan mengakui peranan dan sumbangan penting koperasi di rantau Asia Pasifik kepada pertumbuhan ekonomi, penciptaan pekerjaan, pengurangan kemiskinan, pembangunan sosial yang inklusif dan kelestarian alam dan pada masa yang sama mengakui jati diri koperasi yang unik dan berpusatkan kepada kepentingan anggota dan masyarakat untuk memperkasa individu, komuniti dan kumpulan yang terpinggir.

Deklarasi ini juga menegaskan komitmen koperasi negara rantau Asia Pasifik terhadap agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 khususnya berkaitan membasmi kemiskinan (SDG 1), kesamarataan gender (SDG 5), pembangunan ekonomi dan pekerjaan yang baik (SDG 8) dan mendepani perubahan iklim (SDG 13).

Deklarasi tersebut turut menyatakan beberapa perkara yang akan dilaksanakan secara bersama diantaranya melaksanakan libat urus antara kerajaan dan koperasi untuk memahami matlamat bersama, cabaran, dan peluang untuk kerjasama serta mencipta persekitaran yang mesra pembangunan koperasi selain memperkukuh dasar dan polisi yang dapat memacu pertumbuhan gerakan koperasi. Deklarasi ini akan mengambil kira beberapa

cadangan yang dikemukakan oleh setiap wakil negara dan dipinda untuk dimeterai secara rasmi selepas persidangan ini berakhir.

Majlis penutupan Persidangan APCMC ke-11 telah disempurnakan oleh Menteri Pertanian Jordan, Tuan Yang Terutama Khaled Mousa Al Huneifat. APCMC ke-11 disertai oleh 18 buah negara termasuklah Malaysia, Jordan, Fiji, India, Jepun, Nepal, Palestin, Papua New Guinea, Arab Saudi, Thailand, UAE, Iraq, Kuwait, Lebanon, Syria, Mesir, Libya dan Morocco.

YB Datuk Ewon Benedick juga turut mengadakan pertemuan dengan rakan-rakan sejawat dan pemimpin koperasi dari Jordan, Fiji, Palestin dan Nepal bagi membincangkan isu-isu berkepentingan bersama termasuklah potensi mengembangkan pasaran produk dan perkhidmatan koperasi serantau dan pelaburan melalui gerakan koperasi Malaysia dengan gerakan koperasi rantau Asia Pasifik.

Sehingga 2023, Malaysia merekodkan jumlah koperasi sebanyak 15,809 dengan keanggotaan 7.2 juta orang. Jumlah syer/yuran Gerakan koperasi sehingga Disember 2023 pula adalah berjumlah RM17.47 bilion dengan jumlah aset sebanyak RM161.96 bilion dan perolehan gerakan koperasi sebanyak RM45.5 bilion.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

2 Mei 2024